

Report of TDA Consultation Manager for Malaysia in the BOBLME Project

1. Inrodtuction

This Report is prepared for the BOBLME Regional Coordinating Unit (RCU) as an assignment to assist the Malaysian National Coordinator (NC) to discuss with stakeholders on the Transboundary Analysis (TDA) as presented in Volume 1 and Volume 2 of the BOBLME Project. The assignment of the TDA Consultation Manager is to assist in the conduct of the stakeholders' consultation with the following objectives :-

1.1.Review/challenge/verify the information of the TDA.

1.2.Note errors, note points that might need verification, and recommend deletions/additions.

1.3.Assess the information and conclusions from a transboundary perspective and decide whether' on balance, this TDA is appropriate for the development of the Strategic Action Programme (SAP).

The NC was consulted and assisted in the preparation and conduct of the National Stakeholders' Consultation Meeting.

2. Volume 1 and Volume 2 of TDA BOBLME Project

Several documents had been referred to confirm the facts/figures for Malaysia in the two volumes. Feedbacks from stakeholders on this matter was also sought during the National Stakeholders' Consultation. All the facts/figures are correct and only a few need to be added or corrected as follows:-

2.1. Table 3.1. of Volume 2

Malaysia has not yet rectify the FAO Compliance Agreement.

2.2. Table 3.4 Volume 2

To be added to the list under Malaysia are:-

- 2.2.1. Ministry of Natural Resources and Environment
- 2.2.2. Department of Marine Parks
- 2.2.3. National Oceanography Directorate
- 2.2.4. Universities

2.3. Table 4.16 Volume 2

Another important seagrass area found in West Coast off Johor is at Tanjung Piai.

3. National Stakeholders' Consultation on 26 May 2011 in Penang.

Malaysia has not been able to conduct several consultations with the stakeholders at the various regional level prior to the stakeholders' consultation meeting at the national level. As such the national level consultation should involve as many important stakeholders from government agencies, industry, NGOs and the academia.

The National Stakeholders' Consultation Meeting was convened in Penang for half a day on 26 May 2011, immediately after the National Inception Workshop. The main objectives of the Meeting was to get the views and endorsement from stakeholders of the Transboundary Analysis (TDA) presented by the RCU in the documents of Volume 1 and Volume 2 BOBLME Project.

Stakeholders that attended the consultation were 1 from the National Fishermen Association, 1 from NGO (WWF-Malaysia), 22 government officers from various agencies and 8 scientists from various universities. The Regional Coordinator for BOBLME Project, Dr. Chris O'Brien also attended the consultation meeting.

To facilitate discussion, a digest of Volume 1 and 2 of the TDA was prepared in the national language as a reference.

Dr. Chris O'Brien started the meeting with a presentation of the TDA process. This was followed by a power-point presentation of the TDA in the national language by the TDA Consultation Manager. The meeting then progressed with discussion facilitated by the Regional Coordinator and the National Coordinator.

4. Matters Discussed and Agreed during the National Stakeholders' Consultation.

4.1. Critical Habitats

The Meeting recommended three more habitats been included in the TDA, namely,

- 4.1.1. Mudflats,
- 4.1.2. Seaweed beds, and
- 4.1.3. Estuaries

Mudflats are important habitats for many bivalves, notably cockles. There are many mudflat areas off the coast of Selangor and Perak. The loss of mudflats to development such as land reclamation would affect the natural spatfalls and culture of cockles.

Seaweed has become another important commercial commodity for fishers in Malaysia. Seaweed beds should be identified and protected as an alternative livelihood for fishers.

Estuaries has also been identified as another important habitat, not only as a unique ecology, but important to navigation for fishing vessels.

4.2. Red Tide Phenomenon

Red Tides has occurred from time to time in Malaysian waters. This phenomenon could be transboundary in

nature and the meeting recommended for it to be included in the TDA.

4.3. Other Matters

The meeting recommended that Malaysia proposed Pulau Langkawi(which include Pulau Payar Marine Park) as one of the sites for a pilot project in the BOBLME Programme.

The meeting also highlighted on the different capacity of member countries in addressing enforcement issues. For Malaysia, the problem is not so much because of weak enforcement but rather due to lack of capacity. The half-day duration was generally acceptable to the participants. However, participants were given two weeks to submit in writing other recommendations or comments. As of 15 June, only one participant responded and the matter raised was the importance to address IUU Fishing.

The Stakeholders' Consultation has endorsed the TDA and agreed that the TDA as an important tool for the formulation of the Strategic Action Programme (SAP) for the BOBLME Programme.

5. Conclusion

The two volumes of the TDA are very good documents for the BOBLME Programme. These documents should remain as references and being updated.

The TDA documents could also be useful to bridge the gaps in terms of capacity and capability of Member Countries.

Prepared by,
JUNAIDI CHE AYUB
TDA Consultation Manager for Malaysia.
27 June 2011.

BAY OF BENGAL LARGE MARINE ECOSYSTEM (BOBLME) PROJECT

TRANSBOUNDARY DIAGNOSTIC ANALYSIS (TDA)

1. PENGENALAN

1.1. Tujuan TDA

Dalam konteks Projek LME, TDA mengenalpasti isu-isu alam sekitar marin yang merentasi sempadan negara. Isu-isu tersebut akan dianalisa penyebab utamanya dan seterusnya dikenalpasti punca-punca kepada timbulnya masalah tersebut. TDA ini akan menjadi asas saintifik untuk membangunkan secara sepakat Strategic Action Programme(SAP) yang akan menjadi asas kepada pelaksanaan aktiviti secara kerjasama di peringkat nasional dan serantau bagi mengatasi isu-isu dan punca masalahnya.

Projek BOBLME telah bermula pada April 2009 dan melibatkan lapan Negara yang bersempadan dengan Teluk Benggala, iaitu, Indonesia, Malaysia, Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Sri Lanka dan Maldives. Tujuan Projek ialah untuk memperbaiki kehidupan komuniti persisir pantai melalui pengurusan alam sekitar dan perikanan Teluk Benggala. Salah satu hasil utama Projek ialah SAP yang memberi perlindungan kepada ekosistem di BOBLME dan mengurus sumber hidupan secara mapan supaya dapat memperbaiki kehidupan dan jaminan makanan bagi komuniti persisir pantai.

1.2. Proses Penyediaan TDA

TDA bagi Projek BOBLME telah dibangunkan melalui beberapa proses perundingan di peringkat nasional dan rantau. Proses ini mengambil masa 7 tahun sejak 2003. Setelah beberapa kajian semula dan perundingan, TDA yang dibangunkan mendapat persetujuan negara anggota, dan

telah menyenaraikan tiga (3) isu utama yang merentasi sempadan negara-negara BOBLME, iaitu :-

- 1) Eksploitasi berlebihan sumber hidupan laut,
- 2) Kemerosotan paya bakau, tukun batu karang dan rumput laut, dan
- 3) Pencemaran.

Seterusnya, semua negara anggota akan menyediakan jadual perancangan (road map) yang telah dipersetujui oleh semua pihak berkepentingan menjelang April 2011.

2. LATARBELAKANG BOBLME

Kawasan yang diliputi oleh Projek BOBLME adalah Teluk Benggala, Laut Andaman, Selat Melaka dan Lautan Hindi sehingga 2 darjah keselatan Kathulistiwa. Kawasan lain termasuklah pesisir pantai, pulau-pulau, tukun dan pantai benua yang terdapat di lautan dan dalam sempadan perairan negara.

Keluasan BOBLME ialah 6.2 juta km² dan di beberapa kawasan pertengahan Laut Hindi, kedalamnya adalah antara 2,000 meter hingga 4,000 meter. Hampir 66% daripada kawasan BOBLME adalah dalam perairan ZEE negara anggota. Oleh itu, kebanyakan kawasan BOBLME jatuh di bawah bidang kuasa negara ahli. Senarai negara anggota mengikut keluasan ZEE dari terbesar ke terkecil adalah :-India, Maldives, Myanmar, Sri Lanka, Indonesia, Thailand, Bangladesh dan Malaysia.

Perairan BOBLME adalah produktif dengan purata pengeluaran primer 700gC/m²/tahun diperairan pantai. Purata suhu di permukaan laut ialah 28.6 °C. Suhu kini telah meningkat 0.5 darjah sejak 1957.

Ada beberapa sungai besar di India, Bangladesh, Myanmar dan Thailand yang mengalirkan air tawar dan mendapan dengan kuantiti yang banyak ke persisir pantai.

Negara BOBLME secara kolektif mempunyai jumlah penduduk yang tinggi, iaitu 1.78 bilion. Ini merupakan 25% daripada penduduk dunia. Seramai 450 juta pula tinggal di persisir pantai dan mereka termasuklah 2.2 juta nelayan yang bekerja di atas lebih 415,000 buah bot. Kebanyakan mereka berpendapatan rendah di mana India mempunyai 27% rakyat miskin di dunia.

Sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara BOBLME sedang mengecil. Walaupun demikian, sumber hidupan marin merupakan sumber terpenting bagi kehidupan berjuta-juta komuniti, terutamanya sebagai sumber makanan. Kadar pengambilan makanan laut di rantau ini adalah tinggi jika dibanding dengan rantau lain di dunia. Ikan juga merupakan sumber protin yang utama bagi rakyat India.

3. FAKTOR YANG MEMBERI IMPAK KEPADA BOBLME.

Ada beberapa faktor yang mencetuskan isu-isu alam sekitar marin di BOBLME. Faktor-faktor ini merupakan pengerak kepada terjadinya isu-isu tersebut. Faktor-faktor tersebut ialah :-

- i) Sosio-ekonomi,
- ii) Insitusi, perundangan dan pentadbiran, dan
- iii) Perubahan iklim.

3.1 Faktor Sosio-ekonomi.

Faktor sosial yang memberi impak kepada BOBLME ialah :-

- kadar pertumbuhan penduduk dan penghijrahan penduduk ke kawasan pantai;
- perbandaraan dan pembangunan infrastruktur di kawasan pantai, seperti resort, pelabuhan, lapangan terbang, jalan raya dan jeti;
- komuniti miskin di persisir pantai tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan makanan, sumber pendapatan dan tempat kediaman;
- tiada kesedaran dan komitmen oleh pihak berkepentingan terhadap isu-isu alam sekitar.

Faktor ekonomi pula ialah:-

- permintaan untuk mendapatkan pertukaran wang asing melalui pengeksporan hasil laut (samada hidup, segar atau diproses) dan pelancongan;
- peningkatan dalam aktiviti ternakan udang dan haiwan, pembalakan kayu bakau dan kayu arang tanpa kawalan yang berkesan menyebabkan penerokaan secara tidak bertanggungjawab;
- bantuan kewangan dan insentif kerajaan yang kurang sesuai;
- keperluan untuk meningkatkan produktiviti pertanian yang mendorong kepada pembinaan empangan dan penggunaan baja dan racun secara berlebihan;
- sumbangan sumber laut yang dinilai rendah dan kemusnahannya juga dipandang rendah;
- kesan pencemaran kepada kesihatan manusia dipandang rendah.

Bilangan penduduk yang tinggi merupakan faktor penting yang mencetuskan isu-isu di rantau ini.

Kumbahan dari rumah kediaman dan aktiviti pelancongan juga memberi impak yang negatif.

Permintaan untuk pertukaran wang asing bagi ekonomi negara telah mendorong kepada amalan tidak bertanggungjawab dan memberi tekanan kepada sumber perikanan.

3.2 Faktor Institusi, Perundangan dan Pentadbiran.

Keupayaan sebuah negara BOBLME untuk melaksanakan perubahan terbatas kerana tidak adanya forum yang sesuai di rantau ini yang boleh membincang, merancang, memantau serta melapor kemajuan pembangunan mapan. Walaupun terdapat beberapa badan serantau di BOBLME, aktiviti mereka terbatas dari segi skop fungsi dan liputan kawasan.

Negara-negara BOBLME patut sedar bahawa punca dan penyelesaian sesuatu isu adalah merentasi sempadan negara. Banyak kelebihan yang boleh didapati jika isu-isu diselesaikan melalui tindakan terancang di peringkat serantau. Ini boleh dilaksanakan dengan sokongan

rangkakerja perundangan dan pengurusan antara sektor dan merentasi sempadan negara.

Di peringkat nasional, perkara yang penting adalah kurangnya tadbir urus dan keupayaan untuk mematuhi undang-undang sedia ada, termasuklah :-

- penguatkuasaan yang lemah dan rasuah dikalangan anggota penguatkuasaan;
- kurangnya perancangan bersepadu dan perhubungan di antara sektor di peringkat pusat, negeri dan daerah;
- kurangnya keupayaan untuk mengurus secara berhati-hati ekosistem yang melibatkan pelbagai pengguna dan pihak berkepentingan;
- kurangnya peruntukan kewangan untuk agensi penguatkuasaan.

Negara-negara BOBLME mempunyai bidang kuasa untuk mengurus sumber hidupan marin dan memberi perlindungan kepada habitat-habitat penting. Tetapi penguatkuasaannya adalah lemah kerana kurangnya insentif dari kerajaan kepada anggota penguatkuasaan. Oleh kerana sumber asli merupakan punca pendapatan kepada komuniti miskin, maka undang-undang sentiasa diabaikan sehingga sumber tersebut diterokai ke tahap berlebihan dan memusnahkan habitat.

Pengurusannya juga menjadi semakin rumit bila tanggungjawab mentadbirnya di bahagi-bahagikan kepada pelbagai agensi.

Cabaran yang dihadapi oleh negara-negara BOBLME dari segi perundangan dan pentadbiran ialah:-

- kelompongan dan komitmen untuk mematuhi perjanjian antarabangsa, khususnya mengenai pencemaran;
- perundangan dan dasar yang tidak lengkap dan kadangkala bertindih dan/atau bercanggah di antara sektor dan negara;
- tanggungjawab dan peranan agensi pelaksana yang kompleks dan bercanggah;

- kebanyakan undang-undang sediaada sudah lapok dan tidak mengambilkira konsep pendekatan berhati-hati dan pendekatan ekosistem yang diterima masa kini;
- kelompondan dalam perundangan domestik, khususnya dalam memberi perlindungan kepada BOBLME dari pencemaran;
- penglibatan terhad pihak berkepentingan dalam perundangan sediaada.

Pengurusan dan pemuliharaan sumber marin BOBLME memerlukan projek dan tindakan berkesan di semua negara yang mempunyai perundangan dan dasar seragam. Institusi nasional dan serantau mestilah diberi mandat dan peruntukan fiskal yang mencukupi.

3.3 Faktor Perubahan Iklim

Walaupun kesan perubahan iklim global berbeza di antara negara BOBLME, adalah diramalkan bahawa rantau ini akan mengalami keadaan berikut :-

- Laut berasid;
- Perubahan paras air laut (mengurang di setengah kawasan dan menaik di kawasan lain);
- Suhu permukaan laut yang meningkat;
- Perubahan jumlah air hujan (mengurang di setengah kawasan dan meningkat di kawasan lain); dan
- Kemungkinan meningkatnya kekerapan dan kekuatan ribut dan taufan.

Perubahan iklim adalah satu perkara yang dirasai bersama oleh negara BOBLME. Ia akan memberi kesan kepada ekologi dan kepelbagaian biologi di rantau ini. Walaupun diramalkan beberapa senario, tetapi tidaklah jelas bagaimana bentuk kesan perubahan iklim ini. Apa pun bentuk pengurusan yang dicadangkan bagi menangani kesan perubahan iklim, langkah perlu mengambilkira situasi bahaya yang sedang mengancam. Contohnya, faktor yang tiada kaitan langsung dengan

perubahan iklim tetapi memberi kesan kepada sektor perikanan. Jika langkah tidak diambil sekarang untuk menanganinya, sektor tersebut tidak boleh bertahan lama bagi melawan ancaman perubahan iklim.

Perubahan paras air laut adalah ancaman besar kepada paya bakau. Banyak lagi kajian perlu dilakukan bagi menangani kesan kejadian perubahan paras laut terhadap paya bakau. Perubahan iklim juga akan memberi kesan kepada habitat tukun batu karang.

4. ISU TRANSBOUNDARY DAN PENYEBABNYA.

Isu transboundary ialah masalah alam sekitar(marin) yang punca dan/atau kesan diasingkan oleh sempadan negara. Maksud yang lebih luas ialah, kemerosotan sesuatu ekosistem akan menyumbang kepada masalah global dan penyelesaiannya di peringkat serantau akan memberi faedah global.

Sesuatu masalah boleh dikongsi oleh dua atau lebih negara dan ianya bersifat transboundary. Manakala, sesuatu masalah adalah serupa di semua negara serantau walaupun tidak bersifat transboundary, tetapi penyelesaiannya secara bersama memberi keuntungan kepada semua negara.

Dalam Projek BOBLME, kedua-dua jenis masalah ini disenaraikan sebagai isu transboundary.

Transboundary Diagnostic Analysis (TDA) Projek BOBLME bermula dengan mengenalpasti 3 isu utama, iaitu :-

1. Eksploitasi berlebihan sumber hidupan laut,
2. Kemerosotan habitat, dan
3. Pencemaran.

Sifat transboundary dalam ketiga-tiga isu akan diperjelaskan. Seterusnya, penyebab dan punca masalah akan disenaraikan.

Bagi ketiga-tiga isu utama iaitu, (1) Eksploitasi berlebihan sumber hidupan laut, (2) Kemerosotan habitat dan (3) Pencemaran, ringkasan TDA adalah seperti di Jadual-Jadual berikut :-

Jadual 1 : TDA Eksploitasi Berlebehan Sumber Hidupan Laut

Masalah	Sifat Transboundary
<ol style="list-style-type: none">1. Sumber ikan yang berkurangan.2. Perubahan komposisi jenis ikan dalam tangkapan.3. Komposisi anak ikan yang tinggi dalam tangkapan.4. Perubahan kepelbagaian spesis marin, khususnya spesis mudah terancam kepupusan.	<ul style="list-style-type: none">• Banyak stok ikan negara BOBLME dikongsi bersama kerana ikan atau larvanya berhijrah merentasi sempadan negara.• Kawasan menangkap ikan yang bertindih antara negara samada secara sah atau tidak; keupayaan yang berlebihan di suatu kawasan mendorong nelayan menangkap ikan di kawasan lain.• Semua negara menghadapi masalah mengamalkan pengurusan perikanan secara pendekatan ekosistem.• Negara-negara BOBLME menyumbang kepada masalah kehilangan spesis yang mudah terancam.

Penyebab Masalah	Punca Masalah
<ul style="list-style-type: none"> • Daya penangkapan ikan yang tinggi dan keupayaan yang berlebihan. • Kaedah penangkapan yang merosakkan. • Amalan dan perkakas menangkap ikan yang tidak dapat membeza jenis tangkapan (tidak selektif). • Penangkapan ikan secara tidak sah, tiada kawalan dan tiada pelaporan (IUU), samada di peringkat nasional dan antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem perikanan terbuka. • Daya penangkapan yang meningkat, khususnya pukut tunda dan jerut. • Permintaan yang tinggi untuk ikan sebagai sumber makanan dan ikan baja untuk akuakultur. • Penguatkuasaan dan MCS yang lemah. • Dorongan dan insentif yang kuat untuk menceroboh kawasan.

Masalah transboundary yang berkaitan dengan isu eksploitasi berlebihan sumber hidupan laut telah dikenalpasti melalui penilaian saintifik yang terperinci.

Banyak petunjuk memberi gambaran bahawa sumber perikanan BOBLME telah berkurangan, iaitu :-

- Dalam tempoh abad yang lalu, 6 dari 8 negara BOBLME tidak menunjukkan peningkatan pengeluaran ikan;
- Dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini, terdapat perubahan dalam komposisi tangkapan;
- Komposisi anak ikan dalam tangkapan telah meningkat;

- Kajian sumber yang telah dilaporkan oleh badan serantau APFIC dan IOTC;
- Kadar tangkapan pukat tunda yang terus menurun sejak kian lama;
- Pengeluaran melebihi potensi yang ada; dan
- Pandangan yang diberi oleh nelayan.

Kebanyakan hidupan marin di BOBLME melintasi sempadan negara dan mereka menjadi buruan nelayan daripada sebahagian negara BOBLME. Penangkapan ikan di suatu negara akan memberi kesan kepada stok ikan tersebut di negara lain. Ikan pelagik besar seperti tuna bergerak jauh merentasi lautan, manakala ikan pelagik kecil seperti kembong, selar dan bilis hanya bergerak antara dua atau lebih negara yang berjiran. Ada juga ikan demersal yang mempunyai sebahagian putaran hidupnya bersifat pelagik; contohnya, larva udang karang adalah pelagik selama 4 hingga 12 bulan sebelum membesar di satu tapak.

Mengikut satu kajian, nelayan dari kebanyakan negara BOBLME menangkap ikan di ZEE negara BOBLME yang lain. Nelayan Thailand merupakan nelayan yang banyak menceroboh ZEE negara lain, terutamanya di Myanmar dan Malaysia.

Bot-bot laut lepas dari negara Korea Selatan, China, Taiwan, Singapura, Sepanyol dan Perancis banyak menangkap ikan di perairan BOBLME. Negara Maldives dan India mengadakan perjanjian usahasama dengan negara luar dalam bidang penangkapan ikan.

Nelayan juga bekerja di luar negara asal. Bot Thailand banyak menggunakan nelayan Myanmar dan Kemboja.

Kesemua negara BOBLME menghadapi kesukaran untuk melaksanakan pengurusan perikanan yang berkesan. Negara-negara menghadapi masalah peruntukan kewangan dan kakitangan yang tidak mencukupi dan masalah rasuah.

Sistem perikanan terbuka merupakan punca masalah yang terutama yang menyebabkan keadaan eksploitasi yang berlebihan dan keupayaan yang terlebih kini sukar untuk

dibendung. Dalam sistem perikanan terbuka, sesiapa sahaja boleh menjadi nelayan samada untuk menyara hidup atau mendapatkan bekalan makanan. Sistem sedemikian boleh menjadi penyelamat kepada komuniti miskin, tetapi kemasukan bebas tanpa kawalan ke dalam sektor penangkapan ikan akan menyebabkan situasi eksploitasi yang berlebihan. Ini merupakan satu kerugian kerana hilangnya faedah sosio-ekonomi yang boleh diperolehi daripada potensi sumber yang ada. Pendekatan pengurusan bersama (co-management) dengan pihak berkepentingan perlu diperkenalkan dengan satu sistem kemasukan yang terhad.

Penangkapan ikan secara komersil juga sedang berkembang di negara BOBLME dengan penggunaan bot yang berkuasa enjin yang besar. Persaingan untuk mendapat tangkapan yang banyak juga mendorong kepada amalan tidak bertanggungjawab dan penggunaan perkakas yang merosakkan habitat. Kesan ini menjadi lebih buruk bila penguatkuasaan lemah.

Permintaan hasil laut di jangka meningkat kerana negara-negara maju memerlukan bekalan yang banyak. China dan negara maju seperti Jerman dan United Kingdom mempunyai permintaan ikan yang tinggi. Walaupun perdagangan bebas dapat memberi faedah kepada negara membangun, hakikatnya dorongan untuk meningkatkan pengeluaran memberi tekanan kepada sumber perikanan. Permintaan untuk ikan berharga murah juga meningkat untuk menampung keperluan kilang surimi.

Jadual 2 : Kerosotan Habitat

Masalah	Sifat Transboundary
1. Kerosotan dan kemusnahan paya bakau. 2. Kerosotan tukun batu karang.	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiga-tiga habitat terdapat di semua negara BOBLME • Pembangunan di pantai

<p>3. Kerosotan dan kehilangan rumput laut.</p>	<p>menggunakan kawasan tanah dan laut menjadi perkara biasa di negara sedang membangun seperti BOBLME.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hasil daripada habitat diperdagangkan merentasi sempadan. • Impak perubahan iklim dirasakan oleh semua negara BOBLME
<p>Penyebab Masalah</p>	<p>Punca Masalah</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Paya bakau ditukar penggunaan untuk pertanian, akuakultur dan pengeluaran garam. • Pembangunan pantai untuk kediaman, industri dan pelancongan. • Aktiviti penebangan pokok bakau yang tidak mapan. • Peningkatan pencemaran, eutrofikasi dan mendapan. • Amalan menangkap ikan yang memusnahkan habitat. • Perubahan pantai kerana melombong batu karang dan pasir, mengorek 	<ul style="list-style-type: none"> • Jaminan bekalan makanan untuk komuniti persisir pantai. • Tiada pelan pembangunan pantai di peringkat pusat, negeri dan daerah. • Peningkatan perdagangan (dalam dan luar negara) bagi hasil yang diperolehi daripada habitat. • Pembangunan pantai dan industri. • Kawasan perlindungan marin yang tidak berkesan dan penguatkuasaan yang lemah.

<p>dasar dan tebus pantai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kejadian semula jadi seperti <i>coral bleaching</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pertanian yang intensif di huluan. • Aktiviti pelancongan yang meningkat. • Perubahan iklim.
---	---

Kawasan paya bakau telah diklasifikasi sebagai merosot atau terancam di semua negara BOBLME. Sebab utama ialah tebusguna kawasan bakau untuk aktiviti pertanian dan akuakultur.

Tukun batu karang juga diancam kemusnahan. Punca utamanya ialah kejadian El-Nino pada tahun 1998 dan sedikit impak dari tsunami tahun 2004. Tukun batu karang diancam oleh gabungan aktiviti seperti a) pembangunan pantai, b) eksploitasi berlebihan dan kaedah penangkapan ikan yang merosakkan batu karang c) pencemaran dari darat dan hakisan pantai dan d) pencemaran laut. Penangkapan ikan batu karang sebagai ikan hiasan dan pengutipan gamat juga memberi ancaman kepada batu karang.

Walaupun tiada maklumat yang lengkap mengenai rumput laut, tetapi habitat ini juga didapati merosot. Keadaan ini akan memberi impak kepada hidupan marin seperti dugong, penyu dan kuda laut. Perikanan yang bergantung kepada rumput laut akan juga terancam jika kawasan rumput laut musnah.

Hutan paya bakau terdapat di semua negara BOBLME. Sebahagian dari kawasan hutan bakau di BOBLME sangat penting kepada dunia kerana keluasannya.

Tukun batu karang juga terdapat di semua negara BOBLME di mana 8% batu karang di dunia adalah di rantau ini.

Begitu juga semua negara BOBLME mempunyai rumput laut yang tumbuh di dasar laut berpasir dan berlumpur.

Isu transboundary utama yang dihadapi oleh habitat-habitat tersebut ialah kehilangan kepelbagaian biologi dan

penerunan produktiviti perikanan. Spesis yang terancam (dan sudah pupus) mesti ada kaitannya dengan salah satu dari tiga habitat tersebut.

Pembinaan kilang-kilang juga meningkat di negara-negara BOBLME. Kilang-kilang ini ada yang menyalurkan sisa buangan yang toksid.

Aktiviti perlombongan pasir dan penebangan hutan bakau juga memusnahkan habitat. Aktiviti pelancongan yang melibatkan pembinaan resort juga memberi kesan negatif kepada habitat.

Empangan di hulu sungai dan hujan yang lebat membawa banyak air tawar dan mendapan ke laut. Kejadian ini akan merosakkan habitat.

Perdagangan ikan hiasan dan ikan mendorong penggunaan bom dan racun di habitat yang sensitif, seperti tukun batu karang dan rumput laut.

Ancaman lain ialah pencemaran dari kapal laut.

Sebab utama berlakunya kemerosotan habitat paya bakau ialah:-

- Penggunaan kawasan hutan bakau untuk pertanian, akuakultur dan pengeluaran garam,
- Pembangunan industri, kawasan kediaman dan pelancongan di kawasan pantai,
- Aktiviti penebangan pokok bakau yang tidak mapan,
- Peningkatan pencemaran dan mendapan.

Punca masalah kemerosotan tukun batu karang adalah :-

- *Coral bleaching* akibat perubahan iklim,
- Perubahan pantai disebabkan oleh lombong pasir dan batu karang,
- Eutrofikasi,
- Eksploitasi ikan batu karang dan penggunaan perkakas menangkap ikan yang merosakkan habitat,

- Impak langsung dari aktiviti pelancongan,
- Pencemaran dari darat.

Bagi kemerosotan rumput laut, punca masalahnya ialah:-

- Pemendapan dan eutrofikasi,
- Aktiviti menangkap ikan yang merosakkan habitat,
- *Coastal modification* oleh aktiviti perlombongan dan pengorekan pasir.

Kesemua punca masalah kepada kemerosotan ketiga-tiga habitat adalah kesan daripada perkara-perkara berikut:-

- Tiada pelan pembangunan pantai di peringkat pusat, negeri dan daerah,
- Jaminan bekalan makanan bagi komuniti miskin di kawasan pantai,
- Pembangunan pantai dan perindustrian,
- Peningkatan perdagangan (domestik dan antarabangsa) hasil-hasil daripada habitat tersebut,
- Kawasan perlindungan marin dan penguatkuasaan yang tidak berkesan,
- Aktiviti pertanian secara intensif di hulu, dan
- Peningkatan aktiviti pelancongan.

Hutan paya bakau banyak ditebusguna untuk pertanian, akuakultur dan pengeluaran garam. Penebangan pokok bakau tanpa kawalan juga mengakibatkan kehilangan hutan bakau.

Penangkapan ikan di kawasan batu karang untuk pasaran domestik dan eksport membawa kepada kemusnahan batu karang. Selain itu, peningkatan suhu laut juga merosakkan batu karang.

Pencemaran dari darat dan di laut memberi kesan negatif kepada habitat. Contoh pencemaran ialah buangan dari pertanian, akuakultur dan kilang.

Pencemaran laut juga dilakukan oleh kapal-kapal semasa membuang sisa minyak.

Aktiviti di darat dan pembalakan membawa mendapan ke kawasan habitat dan merosakkannya kerana terdapat perubahan kemasinan air laut.

Jadual 3 : Pencemaran

Masalah	Sifat Transboundary
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembawa penyakit dan buangan organik dalam kumbahan. 2. Buangan pepejal/sampah di laut. 3. Peningkatan nutrient dalam air laut. 4. Pencemaran minyak. 5. POPs dan PTs. 6. Pemendapan. 7. Logam berat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuangan air kumbahan yang tidak dirawat merupakan masalah yang serupa (common) di BOBLME; pembuangan dari sistem sungai Ganges-Brahmaputra berkemungkinan bersifat transboundary. • Plastik dan perkakas menangkap ikan yang ditinggalkan atau sisanya boleh bergerak jauh merentasi sempadan negara. • Pembuangan nutrient yang tinggi dari sungai boleh menyebabkan <i>hypoxia</i>; pergerakan nutrient di udara adalah transboundary. • Pembuangan kumbahan dari kapal boleh berlaku di

	<p>perairan negara yang mempunyai peraturan dan penguatkuasaan yang berbeza-beza. Bola tar boleh bergerak jauh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • POPs dan PTs dan raksa (termasuk raksa organik) boleh bergerak jauh. Logam berat kebiasaannya setempat dan jarang bersifat transboundary.
<p>Penyebab Masalah</p>	<p>Punca Masalah</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Kumbahan yang tidak dirawat atau separa-rawat. • Buangan industri yang tidak dirawat atau tidak dirawat sepenuhnya. • Buangan pepejal disalurkan ke sungai atau perairan pantai; pembakaran pepejal. • Peningkatan pengeluaran nitrogen dari industri dan pembakaran fosil ke udara. • Pembuangan minyak kapal; dan pembuangan sisa minyak dari kapal dan kenderaan darat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertambahan penduduk dan pertumbuhan bandar di kawasan pantai. • Penggunaan per kapita yang meningkat. • Pemindahan industri ke negara-negara BOBLME dan pertumbuhan industri kecil. • Per kapita KDNK yang rendah. • Kurang pelaburan dalam pengurusan air kumbahan dan buangan. • Kekurangan tempat penerimaan minyak terpakai dan bahan berminyak. • Kurang penguatkuasaan peraturan alam sekitar.

	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang kesedaran oleh pengubal dasar, sistem perundangan dan masyarakat sivil
--	---

Pencemaran adalah bersifat transboundary kerana bahan pencemaran atau pun kesannya boleh bergerak jauh merentasi sempadan negara, Masalah pencemaran terjadi di semua negara di rantau ini.

Masalah utama ialah :-

- Buangan yang mengandungi pembawa penyakit.
- Beban organik dari kumbahan dan sumber lain.
- Sampah di laut.
- Penambahan nutrient yang banyak.
- Pencemaran minyak.
- POPs dan PTs.
- Raksa, termasuk raksa organik

Bakteria dan virus yang berpenyakit boleh bertahan lama dalam kumbahan. Tapi jika ia terdapat dalam mendapan dan tidak banyak bergerak, ianya jarang bersifat transboundary. Namun begitu, masalah ini terdapat di semua negara BOBLME dan penyelesaian yang berjaya di satu negara boleh digunapakai di negara lain.

Plastik dan perkakas menangkap ikan yang ditinggalkan boleh bergerak jauh dan jelas merupakan isu transboundary.

Pertambahan nutrient dari sungai boleh menyebabkan *hypoxia* di muara sungai dan merebak merentasi sempadan negara. Keadaan ini memberi kesan kepada stok ikan yang bersifat transboundary.

Pembuangan sisa minyak dari kapal juga bersifat transboundary. Bola minyak(tar ball) bergerak jauh dan merentasi sempadan negara.

Kebanyakan POPs dan PTs diangkut melalui udara atau media lain. Oleh itu, POPs dan PTs adalah bersifat transboundary dan berkemungkinan kesannya di BOBLME sangatlah besar. Kerana kurangnya maklumat mengenai status POPs dan PTs di rantau ini menyebabkan ianya satu isu transboundary yang utama.

Kebanyakan mendapan dari sungai adalah bersifat setempat. Oleh itu, kesan mendapan sungai tidak mempunyai sifat transboundary yang kuat.

Penyebab kepada masalah pencemaran bolehlah di senarai mengikut keutamaan seperti berikut :-

- Pembuangan air kumbahan tanpa rawatan dari kediaman, industri dan aktiviti pertanian,
- Kurangnya pengurusan buangan pepejal, termasuk yang disalurkan ke perairan pantai dan pembakaran terbuka buangan pepejal (yang mengeluarkan gas toksid),
- Pertambahan nutrient dari baja pertanian, akuakultur, industri dan pembakaran bahan fosil,
